



## **PERUTUSAN HARI PEKERJA KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR**

Salam hormat warga Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang dikasihi dan dihormati sekalian.

Hari ini, genap 45 hari kita telah menempuh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Memasuki Fasa 4 PKP ini, pelbagai cabaran telah kita tempuh bagi memastikan kualiti alam sekitar terus terpulihara dan pencemaran alam sekitar di Malaysia ditangani dengan penuh komitmen demi mengalas tanggungjawab di bawah mandat Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Cabaran bekerja dari rumah (BDR) juga turut menuntut disiplin yang tinggi dalam memastikan perkhidmatan berkualiti dan terbaik terus diberikan oleh JAS.

Justeru itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga JAS di atas kesegeraan dalam mengambil tindakan ke atas kes-kes pencemaran alam sekitar dalam tempoh PKP ini. Walaupun, kita bukan pasukan barisan hadapan, namun peranan kita adalah sama penting sebagai benteng negara dalam mencegah dan mengawal pencemaran serta pemuliharaan alam sekitar. Oleh itu, marilah kita bersama bertekad untuk melipatgandakan usaha kita dalam menjalankan amanah dengan lebih produktif, berkualiti dan berkesan demi kelestarian alam sekitar, pembangunan lestari dan kesejahteraan rakyat.

Saya juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada barisan hadapan (*Frontliners*) negara yang telah bertungkus lumus, tanpa mengenal penat lelah dan berhadapan dengan risiko dalam menangani pandemik Covid-19 ini.

Dalam mengharungi cabaran PKP Fasa 4 sehingga 12 Mei 2020, saya menyeru seluruh warga JAS untuk terus kekal positif, proaktif dan beriltizam dengan budaya norma baharu dalam melaksanakan tanggungjawab kita. Bersama-sama kita membantu negara dalam memutuskan rantaian wabak Covid-19.

Selamat Hari Pekerja 2020.

**“PEKERJA DAN CABARAN BUDAYA NORMA BAHARU”**

**“ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

**NORLIN BINTI JAAFAR**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar  
1 Mei 2020